



Penutup

BAB KELIMA

PENUTUP

Bab ini merupakan bab yang terakhir. Dalam bab ini penulis membuat beberapa kesimpulan hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Saranansaranan daripada penulis juga dimuatkan di dalam bab ini. Semoga dengan saranansaranan yang dikemukakan di sini sedikit sebanyak dapat membendung pengaruh pemikiran barat khususnya falsafah pragmatisme daripada terus merosakkan akidah umat Islam.

5.1 : KESIMPULAN

Falsafah adalah satu bidang ilmu yang tidak asing lagi kepada masyarakat di dunia yang mana ia menuntut penggunaan akal dan pemikiran yang mendalam. Perkembangan falsafah dari zaman falsafah Yunani sehingga ke zaman kelahiran falsafah moden abad ke-20 menunjukkan bahawa setiap satunya mempunyai keterkaitan dan hubungkaitnya yang tersendiri. Setiap aliran yang wujud pada sesuatu masa akan mempengaruhi corak kehidupan masyarakat pada masa tersebut.

Sebelum zaman Renaissance perbahasan falsafah lebih kepada metafizik tetapi apabila tibanya zaman Renaissance di Eropah perbahasan falsafah beralih kepada alam semesta dan manusia. Dari sinilah berkembangnya aliran falsafah yang memperbahaskan teori pengetahuan seperti rationalisme, empiricisme, pragmatisme dan sebagainya. Walaupun begitu falsafah semakin hari semakin sukar untuk

diperbahaskan memandangkan penggunaan akal tanpa batasan telah menjadikan falsafah terlalu kompleks dan rumit.

Ahli-ahli falsafah sendiri masing-masing ingin mempertahankan idea dan metod pemikiran mereka sehingga menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat di dalam disiplin ilmu falsafah. Teori-teori kebenaran yang diketengahkan oleh pihak barat melalui aliran-aliran falsafah mereka ternyata bertentangan antara satu sama lain terutamanya dengan teori kebenaran yang dibawa oleh Islam.

Islam menentang cara barat dalam meletakkan pengertian kepada kebenaran. Kebenaran dalam metod pemikiran barat ternyata hanya bersumber daripada pengalaman dan pemikiran individu semata-mata bukan bersumber daripada sesuatu yang lebih tinggi dari manusia. Segala bentuk pemikiran yang ternyata mempertuhankan akal dan logik ini tidak akan dapat mencapai kebenaran yang hakiki kerana akal hanyalah alat dan tidak mungkin dapat menjangkau sesuatu yang di luar batasan pancaindera.

Hanya Islam sahaja yang dapat menapis idea-idea dan pemikiran falsafah yang menyeleweng ini dengan sebaik mungkin. Ini kerana Islam mempunyai al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan sumber kebenaran yang mutlak dan merupakan panduan utama dalam berfikir. Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah Islam menyahut cabaran dunia falsafah dengan mewujudkan aliran falsafah Islam. Metod-metod pemikiran dalam falsafah Islam dibatasi dengan syariat daripada Allah

s.w.t. agar tidak terseleweng dan dapat memandu insan ke arah penggunaan akal kurniaan Allah sebaik mungkin.

Rentetan itu, maka tampillah beberapa tokoh terkemuka dalam dunia falsafah Islam seperti al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Ruysd, al-Ghazali dan sebagainya. Pendek kata impian barat untuk menyebarkan pengaruh pemikiran falsafah yang hanya menguntungkan pihak mereka dan menghancurkan Islam itu berjaya di halang dengan kehadiran metod pemikiran Islam di dalam berfalsafah.

Walaupun begitu idea-idea dan bentuk pemikiran barat yang ternyata bercanggah dengan Islam masih cuba disogokkan kepada masyarakat dengan pelbagai cara. Masyarakat yang hanya menilai sesuatu berdasarkan logik akal menjadi seperti ‘pak turut’ yang hanya mengangguk dan mengiyakan bentuk pemikiran yang diketengahkan dan menerima sebagai panduan di dalam menjalankan kehidupan sama ada dari sudut sosial, ekonomi maupun politik. Inilah yang berjaya dilakukan oleh aliran falsafah barat sejak berabad lamanya sehingga munculnya falsafah pragmatisme pada abad ke-20 yang dipelopori dan disebarluaskan oleh C.S. Pierce, William James dan John Dewey.

Aliran falsafah pragmatisme ini berjaya menyebarkan pengaruhnya ke seluruh pelusuk dunia dan hari ini di dapati kebanyakan negara di dunia memilih falsafah pragmatik dalam usaha untuk membangunkan negara. Idea falsafah ini mudah diterima kerana ia berdasarkan rasional dan keyakinan para pemikir tentang

sesuatu idea. Oleh itu ia berkeupayaan untuk menghasilkan satu output yang positif dan praktikal serta boleh diguna pakai di dalam pelbagai bidang.

Jelas di sini, walaupun falsafah barat seperti falsafah pragmatisme membawa kesan yang negatif kepada umat Islam tetapi ada juga idea-ideanya yang boleh diterima dan tidak perlu ditolak secara total. Ini kerana Islam sendiri adalah agama yang pragmatik dan sentiasa menyeru umatnya agar bersikap pragmatik dalam erti kata sentiasa memajukan diri sendiri dan berani merealisasikan cita-cita dan impian. Islam tidak menggalakkan umatnya berfikiran *jumūd* dengan mengikut semata-mata tetapi memberi ruang kepada umatnya untuk berfikir dan menggunakan akal kurniaan Allah semaksima mungkin tetapi ia hendaklah berlaku dalam lingkungan syariat.

Balasan baik dan buruk yang dikurniakan Allah s.w.t sebagai balasan kepada setiap amalan adalah satu dorongan supaya masyarakat Islam sentiasa bersikap pragmatik dalam kehidupannya. Setiap yang dilakukan tentunya mengharapkan balasan baik yang telah dijanjikan oleh Allah s.w.t. Semuanya tidak terhenti dengan balasan baik di dunia tetapi juga mengharapkan balasan baik diakhirat.

Pragmatisme ditolak adalah berdasarkan sifatnya yang menolak kekuasaan mutlak Allah s.w.t dan kebenaran syariatnya. Tambahan pula teori kebenaran yang diketengahkan oleh pragmatisme amat bertentangan dengan teori kebenaran dalam Islam yang meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dan bersifat

mutlak. Penggunaan logik akal yang keterlaluan dengan meletakkan penilaian benar atau tidak berdasarkan natijah yang diterima adalah bercanggah dengan Islam.

Tambahan pula pemikiran pragmatisme tetap akan menolak sesuatu perkara sekalipun benar sekiranya natijah yang diterima tidak baik. Ini termasuklah kebenaran dalam agama. Pemikiran ini ternyata melampaui batas apabila menganggap kewujudan Tuhan juga bertitik tolak kepada individu yang mempercayainya. Sekiranya mempercayai kewujudan Tuhan itu menenteramkan jiwa maka Tuhan itu wujud tetapi sekiranya tidak maka kewujudan Tuhan tidak lagi penting. Oleh itu penerimaan terhadap idea yang diketengahkan akan merosakkan akidah umat Islam.

Pengaruh falsafah pragmatisme bukan sahaja berjaya menyerap masuk ke dalam sistem ekonomi dan sosial sesebuah negara tetapi yang lebih penting adalah ke dalam pemikiran umat Islam tanpa disedari. Golongan remaja yang masih di bangku sekolah juga tidak terlepas daripada pengaruh ini. Lebih-lebih lagi golongan ini sentiasa terdedah dengan pengaruh persekitaran dan masyarakat sekeliling. Ini terbukti apabila golongan remaja ini ternyata mempunyai metod-metod pemikiran yang menyokong idea-idea dan pemikiran aliran falsafah pragmatisme.

Walaupun pemikiran falsafah pragmatisme ini tidak sampai kepada majoriti pelajar secara langsung tetapi idea-idea pemikirannya boleh disebarluaskan melalui media massa dan media elektronik. Selain itu ia juga boleh sampai melalui perantaraan masyarakat sekeliling terutama orang-orang terdekat seperti ibu bapa,

saudara mara atau rakan-rakan. Ibu bapalah diantara agen utama yang boleh membentuk pemikiran anak-anak.

Di dalam bidang akademik pula mereka akan berhadapan dengan pelbagai jenis bahan bacaan dan metod-metod pemikiran yang diketengahkan oleh ulama Islam mahupun barat. Pendek kata pelajar-pelajar ini sememangnya tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pemikiran-pemikiran barat. Oleh itu pendedahan awal tentang metod-metod pemikiran barat yang merbahaya ini amat berguna untuk dijadikan panduan sejauh mana aliran pemikiran tersebut boleh diterima. Lebih-lebih lagi ia melibatkan akidah yang menjadi tonggak keislaman seseorang.

Disebabkan pengaruh pemikiran dari barat khususnya pragmatisme inilah maka ada di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria mengamalkan konsep ‘tujuan menghalalkan cara’. Sedangkan dalam Islam ‘tujuan tidak menghalalkan cara’. Ini bererti walaupun tujuan yang hendak dicapai itu baik dan murni tetapi sekiranya menggunakan cara yang di luar batasan syariat maka tujuan itu tidak lagi dikira murni bahkan akan mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Sikap yang mementingkan natijah iaitu kegembiraan dan kepuasaan kepadakehendak nafsu dan naluri remaja telah menyebabkan pelajar-pelajar ini tidak menghiraukan dosa dan pahala dalam melakukan perkara yang ditegah oleh agama dengan alasan akan bertaubat setelah melakukan kesalahan tersebut.

Pemikiran pelajar ini perlu dipelihara secepat mungkin. Tambahan pula remaja adalah golongan yang berada di tahap membina kematangan di mana mereka

lebih mudah menerima sesuatu yang datang sebagai prinsip dan identiti. Kebiasaan, kesukaan dan amalan yang disenangi adalah gambaran sebenar mengenai apa yang terkandung di alam pemikiran mereka. Oleh itu belum terlambat jika langkah awal diambil. Sekiranya pelajar-pelajar ini dibiarkan terus dengan bentuk pemikiran tersebut ia akan menjadi satu prinsip yang akan berakar umbi di dalam diri pelajar dan tidak dapat diperbetulkan lagi terutamanya apabila usia mereka telah meningkat dewasa.

Permasalahan yang menimpa pelajar ini walaupun tidak melibatkan jumlah yang besar tetapi ia melibatkan akidah. Akidah yang benar sahaja yang akan mengiktiraf keislaman seseorang. Sekiranya rosak akidah maka rosaklah agama. Ini menuntut gabungan tenaga dari semua pihak termasuk ibu bapa, guru, masyarakat dan pemerintah.

Sekolah perlu memainkan peranan kerana ia merupakan medium yang paling hampir kepada pelajar untuk menyerapkan seberapa banyak ilmu pengetahuan agama bagi memantapkan akidah mereka. Walaupun begitu matlamat pendidikan Islam terutama pendidikan akidah tidak akan tercapai sekiranya pelajar-pelajar masih tidak dapat memelihara diri daripada perkara-perkara yang merosakkan akidah terutama pada zaman yang serba maju ini. Penggembelingan tenaga dari semua pihak perlu bagi mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang mengamalkan Islam.

Masyarakat Islam hari ini tidak boleh berlapang dada dengan dasar islamisasi pihak pemerintah kerana pada waktu yang sama terpaksa mengharungi arus *deislamisasi*. Bahan atau program yang disogokkan melalui media elektronik, media cetak, corak hiburan dan kebudayaan amat ketara sekali mencemar kesucian akidah umat Islam. Pengaruh pragmatisme mungkin jarang diperkatakan tetapi yang paling ketara ialah dasar sekularisasi. Semuanya ini tidak wujud dengan sendirinya tetapi ia adalah manifestasi dari pemikiran individu tertentu yang amat dipengaruhi oleh aliran-aliran falsafah barat ini.

5.2: SARANAN

a) Pelajar

1. Pelajar perlu ada sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Ini dapat mewujudkan motivasi dalaman supaya pelajar sendiri dapat memelihara dan mengubah dirinya tanpa bergantung kepada mana-mana pihak.
2. Pelajar harus menggunakan akal yang waras dalam menyelesaikan masalah dengan bimbingan daripada guru, ibu bapa atau orang yang lebih berpengalaman. Sikap mengikut kehendak dan kemahuan diri sendiri tanpa meminta pendapat orang lain perlu dihindari.
3. Para pelajar perlu sedar mempelajari “Pendidikan Islam” bukanlah semata-mata untuk mendapat kecemerlangan di dalam peperiksaan tetapi untuk

dihayati dan diamalkan sebaik mungkin bagi mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

4. Para pelajar perlu berani mengemukakan segala bentuk permasalahan atau kekeliruan tentang sesuatu perkara kepada guru atau ibu bapa supaya ia dapat diselesaikan dengan cara yang baik terutamanya berkaitan dengan *tasawwur* Islam.
5. Pelajar perlu pandai memilih sahabat kerana sahabat mempunyai pengaruh yang besar ke arah mewujudkan sifat negatif atau positif kepada seseorang individu. Budaya lepak dan menyanjung budaya barat hendaklah dijauhi.

b) Guru-guru

1. Guru-guru hendaklah berusaha mempertingkatkan diri dan menjadi guru-guru yang bukan sekadar mengajar di dalam kelas tetapi juga mendidik pelajar menjadi muslim yang baik. Sikap melepaskan batuk di tangga perlu dihindari kerana yang menjadi mangsanya adalah pelajar.
2. Guru perlu mempunyai kefahaman yang mendalam berkaitan aliran pemikiran barat dan menyedari betapa pentingnya ia didedahkan kepada pelajar. Sekiranya guru sendiri kurang faham, tidak mustahil gurulah yang menjadi agen di dalam menyebarluaskan pengaruh-pengaruh pemikiran ini kepada pelajar dan masyarakat.

3. Guru-guru perlu selalu mengadakan perbincangan dengan pelajar berkaitan dengan isu-isu semasa dan gejala sosial yang melanda umat Islam dewasa ini. Dengan cara ini bentuk pemikiran pelajar dapat dikesan dan diperbetulkan sekiranya terdapat kekeliruan.
4. Hubungan yang baik dengan pelajar perlu diwujudkan supaya pelajar tidak takut untuk mengemukakan masalah. Seterusnya mewujudkan suasana yang harmoni dan ikatan kasih sayang di antara guru dengan pelajar.
5. Tahap kefahaman dan penghayatan Islam dikalangan pelajar perlu sentiasa diuji bukan sekadar mengemukakan soalan-soalan ujian atau peperiksaan tetapi guru-guru boleh bertemu sendiri dengan pelajar atau menyediakan borang kaji selidik yang memerlukan jawapan yang ikhlas daripada pelajar. Perkara ini perlu kerana kecemerlangan pelajar di dalam peperiksaan ada kalanya tidak melambangkan akidah dan penghayatan Islam yang baik.

c) Sekolah

1. Sekolah perlu mewujudkan pendekatan bersepadu di antara PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), pelajar dan masyarakat setempat bagi membentera sebarang salah laku dan maksiat.
2. Pusat sumber sekolah perlu prihatin dengan bentuk bahan bacaan yang disediakan. Bahan-bahan ini perlu dipastikan tidak mempunyai unsur-unsur

yang cuba mengaburi dan mengelirukan pemikiran pelajar terhadap Islam dan bukan setakat unsur-unsur yang boleh merosakkan akhlak dan moral.

3. Pihak sekolah perlu mengadakan pelbagai program bagi memantapkan akidah dan penghayatan Islam di kalangan pelajar. Pelajar yang cemerlang penghayatan Islam dan akidahnya juga akan cemerlang di dalam peperiksaan. Di antara program yang boleh dijalankan ialah kuliah agama di surau, kolokium pemantapan akidah yang boleh dilakukan dalam beberapa modul termasuklah pendedahan tentang serangan pemikiran barat, khemah ibadat dan lain-lain.
4. Pelajar-pelajar tingkatan enam yang tidak lagi mempelajari pendidikan Islam tidak boleh diabaikan. Pihak sekolah perlu menyediakan program-program pentarbiahan kepada pelajar terbabit sama ada kuliah-kuliah khas, usrah atau program-program lain yang diletakkan di bawah persatuan pelajar Islam. Tanpa peringatan yang berterusan pelajar akan lupa dan lalai.

d) Ibu bapa

1. Ibu bapa hendaklah menjadi teladan kepada anak-anak kerana segala yang dilakukan oleh ibu bapa akan menjadi ikutan termasuklah cara bekerja, berkomunikasi, berfikir dan sebagainya. Sekiranya budaya barat yang dipilih maka budaya baratlah yang akan subur di dalam keluarga begitulah sebaliknya jika Islam yang dipilih maka budaya Islamlah yang akan dipuja.

2. Program pembentukan pemikiran anak-anak perlu dilakukan sedari kecil dengan membiasakan anak-anak dengan amalan-amalan Islam terutama sembahyang kerana dengan sembahyang anak-anak akan terhindar daripada perkara mungkar. Setiap perkara yang menjadi kebiasaan akan menjadi prinsip dan pegangan. Sekiranya prinsip itu baik maka remaja tidak akan mudah menerima unsur-unsur negatif daripada luar.
3. Ibu bapa perlu prihatin dengan tingkah laku dan aktiviti seharian anak-anak. Bahan-bahan media massa dan media elektronik perlu diawasi tetapi hendaklah dengan menggunakan kaedah bimbingan dan didikan yang betul bukan dengan memaksa anak-anak mengikut kehendak ibu bapa. Sebaiknya ibu bapa sentiasa mengambil tahu tentang kaedah-kaedah keibubapaan yang baik melalui kursus, seminar-seminar, media massa dan sebagainya.
4. Kerjasama yang baik dengan pihak sekolah perlu dijalinkan dengan menghadiri perjumpaan-perjumpaan yang diadakan, berjuma bersama guru-guru untuk mengetahui perkembangan anak-anak, memastikan anak-anak melaksanakan kerja-kerja yang telah diamanahkan oleh pihak sekolah dan sebagainya.
5. Selain daripada pendidikan agama di sekolah, ibu bapa perlu menyediakan alternatif lain agar pendidikan Islam pada anak-anak akan lebih mantap seperti membawa anak-anak kemajlis-majlis agama atau menghadiri solat jamaah di surau atau masjid.

e) Kementerian Pendidikan

1. Sukatan pelajaran yang disediakan oleh pihak kementerian terutamanya akidah perlu meliputi keseluruhan aspek yang perlu diketahui oleh seorang pelajar Islam. Oleh yang demikian penulis mencadangkan pihak kementerian memberi dua penekanan lagi di dalam sukanan ini :

- a) Penekanan terhadap konsep tauhid '*ulūhiyyah*, tauhid *rubūbiyyah* dan tauhid *al-asmā' wa al-sifah*.

Penghayatan yang mendalam terhadap ketiga-tiga tauhid ini akan memantapkan lagi akidah pelajar di samping merasakan tidak ada ketuanan di dunia melainkan Allah s.w.t. Segala yang datang daripada manusia adalah lemah dan tidak sempurna.

- b) Penekanan terhadap aliran-aliran pemikiran barat.

Penekanan terhadap aliran-aliran pemikiran barat ini akan melahirkan pelajar yang mempunyai tasawwur yang jelas tentang serangan pemikiran dari barat untuk merosakkan akidah umat Islam. Pelajar akan dapat membezakan bentuk pemikiran Islam dengan barat disamping mengetahui sejauh mana sesuatu bentuk pemikiran boleh diterima.

2. Mengadakan kursus khas kepada guru-guru Islam berkaitan dengan peranan mereka di dalam memantapkan akidah dan penghayatan Islam di kalangan pelajar agar tugas ini tidak terbeban kepada guru-guru agama sahaja. Melalui kursus-kursus ini, guru-guru boleh di dedahkan dengan isu-isu semasa dan aliran-aliran pemikiran barat yang merbahaya kepada akidah supaya dapat di

sampaikan kepada pelajar. Permasalahan disiplin guru-guru juga perlu ditekankan agar guru dapat menjadi suri teladan kepada pelajar.

3. Memasukkan subjek pengkajian terhadap aliran-aliran pemikiran barat ke dalam sukan kursus-kursus perguruan diperingkat universiti dan maktab bagi melahirkan guru-guru yang berpengetahuan luas dalam bidang ini. Selain menjadi bekalan untuk mendidik pelajar, ia juga adalah untuk membendung guru-guru sendiri terpengaruh dengan idea-idea pemikiran tersebut dan akhirnya menyampaikan kepada pelajar. Sekiranya ini berlaku peranan guru yang menjadi agen untuk memurniakan kembali pemikiran pelajar tidak akan berhasil.
4. Mengadakan kerjasama dengan badan-badan korporat seperti MAS (Malaysian Airline System), TNB (Tenaga Nasional Berhad), Telekom dan sebagainya bagi menyediakan sumbangan dalam bentuk moral atau material bagi menggalakkan pelajar berjaya dengan cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi dari aspek sahsiah, kepimpinan, hubungan dengan ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan negara.

f) Kerajaan

1. Kerajaan perlu memberi ruang kepada badan-badan dakwah untuk mempergiatkan usaha menyampaikan mesej-mesej Islam dan menyedarkan

masyarakat dan negara tentang peranan sebenar manusia sebagai hamba Allah.

2. Kesemua kementerian, jabatan kerajaan dan seluruh institusi harus turut memainkan peranan dalam dakwah Islamiah. Apa yang berlaku sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bekerja keras berdakwah tetapi Kementerian Kebudayaan dan Pelancungan membenarkan budaya asing yang bercanggah dengan dakwah memasuki masyarakat.
3. Kerajaan perlu menjalankan konsep “amar makruf nahi munkar” bagi membenteraus musuh-musuh Islam yang berselindung di sebalik syarikat-syarikat rokok, minuman keras dan hiburan.
4. Kerajaan seharusnya membuang semua sistem barat dalam pemerintahan negara seperti sekularisme, pragmatisme dan sebagainya. Sebaliknya mengamalkan sistem-sistem Islam secara total terutama sistem politik Islam kerana sistem ini tidak membenarkan mana-mana ideologi sesat dan kufur masuk dan mempengaruhi masyarakat.

5.3 : PENUTUP

Dalam kesempatan yang terakhir ini, penulis mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t kerana dikurniakan kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini. Sememangnya penulis menyedari di dalam penyelidikan ini masih banyak yang

perlu diperbaiki demi menghasilkan satu bentuk penulisan yang lebih baik dan bermutu. Justeru, sekalung titipan harapan daripada penulis agar pengkaji yang akan datang dapat meneruskan kajian ini.